

on 11 March 2014

FSS Anjur Siri Seminar Penyelidikan Bersejarah Mengenai Penjajahan Jepun di Sarawak.



KOTA SAMARAHAN, 11 Mac 2014 : Fakulti Sains Sosial (FSS) UNIMAS telah menganjurkan siri seminar bertajuk 'Historical Research on Sarawak under the Japanese Occupation During World War II', hari ini bertempat di bilik persidangan FSS.

Menurut Kordinator, Dr Elena Gregoria Chai Chin Fern, siri seminar tersebut menyentuh mengenai penyelidikan bersejarah ke atas Sarawak pada zaman penaklukan Jepun semasa perang dunia ke-dua.

Beliau berkata, tiga penceramah dari Jepun telah dijemput untuk memberi taklimat dalam siri itu iaitu Profesor Madya Dr Yamamoto Shin dari Universiti Tsukuba, Profesor Madya Dr Iijima Noriko dari Universiti Hiroshima City dan Profesor Madya Miura Tetsuya dari Kolej IKUEI Junior.

Peserta terdiri daripada para pelajar dan staf akademik dari UNIMAS dan siri seminar itu telah diadakan selama satu jam.

Artikel oleh : Sarena Haidir || gambar oleh : Bujang Mohamad || Bahagian Perancangan & Komunikasi Korporat